

13 OCT 2003

OIC-Belkeziz

TINDAKAN POLITIK UMAT ISLAM AMAT RAPUH, KATA BELKEZIZ

PUTRAJAYA, 13 Okt (Bernama) -- Tindakan politik secara bersama oleh negara-negara Islam amat rapuh sehinggakan ia tidak berupaya memberikan mereka keberanian dan pengaruh, kata Setiausaha Agung Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) Dr Abdelouahed Belkeziz hari ini.

Keadaan ekonomi juga tidak begitu baik, lemah dan mudah goyah semasa berhadapan dengan halangan ekonomi yang besar di sekeliling mereka, katanya.

"Dan kita masih belum mencapai sedikitpun penyelarasan ekonomi yang sebenar," katanya pada perasmian Mesyuarat Persediaan Peringkat Menteri bagi Sidang Kemuncak OIC ke-10 di Pusat Konvensyen Putrajaya di sini.

Mesyuarat dua hari itu, yang dipengerusikan Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar, akan memuktamadkan agenda bagi sidang kemuncak pemimpin-pemimpin 57 negara anggota OIC pada Khamis dan Jumaat.

Sidang kemuncak itu merupakan yang pertama diadakan di wilayah Asia Pasifik sejak penubuhan pertubuhan itu pada 1969.

Belkeziz berkata di tanah air mereka, umat Islam turut menghadapi ujian memandangkan mereka tidak mempunyai keupayaan dan dilanda kekecewaan.

"Di hadapan mata mereka sendiri, sebuah dari negara mereka diduduki, sebuah lagi dikenakan sekatan dan segala bentuk halangan, yang ketiga pula diugut manakala sebuah lagi dituduh menaja keganasan.

"Di luar negara, di luar kediaman mereka, mereka dilihat dengan penuh keraguan, diwujudkan keadaan tidak selesa dan dinafikan hak-hak awam mereka," katanya.

Dalam ucapannya pada perasmian Mesyuarat Pegawai-pegawai Kanan OIC Sabtu lepas, Belkeziz menggesa penyingkiran semua kuasa asing dari Iraq dan menyerahkan tugas itu kepada Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) untuk mentadbir hal ehwal Baghdad sementara menunggu kemerdekaan dan pembangunannya dipulihkan semula.

Hari ini, sekali lagi beliau melakarkan tugas-tugas sukar yang sedang menanti, dengan menyatakan bahawa sidang kemuncak itu diadakan pada persekitaran yang dilingkungi cabaran dan bahaya yang banyak sangat.

"Cabaran-cabaran itu amat banyak sehinggakan ianya mungkin tidak sama dengan sejarah Islam kontemporari," katanya.

Belkeziz berkata Islam sendiri bersama-sama ketamadunan, kebudayaan dan ajarannya turut dituduh meskipun Islam telah diketahui sebagai agama yang mengutamakan keamanan, toleransi dan persaudaraan.

"Islam telah dan kekal di barisan depan sebagai agama yang memberikan penekanan kepada kehormatan manusia, kesucian hidup manusia dan menggalakkan sifat baik serta nilai-nilai kemanusiaan yang paling tinggi," katanya.

Beliau turut menyentuh mengenai situasi di Iraq termasuk tragedi dan penderitaan oleh rakyat Iraq, yang berakhir dengan pendudukan dan kehilangan kedaulatan serta kemerdekaan mereka, di samping isu Palestin yang telah lama berlarutan.

Belkeziz, yang tempoh memegang jawatannya berakhir tahun depan, mengucapkan terima kasih kepada Qatar, iaitu Pengerusi OIC yang akan melepaskan jawatan kerana menjalankan tanggungjawab di bawah suasana antarabangsa yang sukar sejak tiga tahun lepas.

Isu Iraq dijangka mendominasi perbincangan selain kekejaman Israel yang berterusan terhadap rakyat Palestin serta serangan udaranya yang terbaru ke atas Syria.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan mempengerusikan sidang kemuncak itu di PCC, mercu tanda baru bagi pusat pentadbiran kerajaan persekutuan.

-- BERNAMA

JM AZZ JK ROS